

Perhimpunan Petisyen Aman 1125

Pengumuman Dong Zong Kepada Rakyat Seluruh Negara

Negara kita ialah sebuah negara yang berbilang bangsa, bahasa, budaya dan agama. Namun demikian, kerajaan bukan sahaja mengabaikan hak rakyak dalam soal pembelajaran dan penggunaan bahasa ibunda yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan selama ini, sebaliknya melaksanakan dasar-dasar pendidikan sekolah yang berbentuk satu aliran bahasa pengantar utama sahaja. Dasar-dasar ini tidak sepadan dengan keadaan negara kita.

Semenjak Penyata Razak 1956 mengemukakan "objektif muktamad" iaitu "satu bahasa, satu jenis aliran sekolah", maka kesemua Laporan Pelajaran, Ordinan Pelajaran/Akta Pendidikan, Pelan Pembangunan Pendidikan dan sebagainya yang diumumkan kemudian juga mempunyai tujuan yang sejajar dengan "objektif muktamad" tersebut. Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) yang diumumkan baru-baru ini, bukan sahaja meneruskan pelaksanaan "objektif muktamad" malah menjadi bertambah serius lagi.

PPPM terus berpegang kepada dasar pendidikan satu aliran sekolah untuk mencapai "objektif muktamad" melalui pelaksanaan pelbagai cara yang boleh mengikis dan mengubah ciri-ciri Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

PPPM menuntut peringkat Tahun 4 hingga Tahun

6 di SJKC dan SJKT bertukar kepada penggunaan kurikulum/sukatan pelajaran mata pelajaran Bahasa Malaysia, buku teks, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sama dengan Sekolah Kebangsaan, dan menambah waktu pengajaran Bahasa Malaysia kepada 570 minit seminggu. Pertukaran ini sudah pasti akan timbul ketidakseimbangan dalam struktur kurikulum/sukatan pelajaran SJKC dan SJKT. Ia amat menjelaskan fungsi pendidikan bahasa ibunda dan menyebabkan kehilangan ciri-ciri pendidikan bahasa ibunda.

PPPM beraspirasi meningkatkan kualiti pendidikan dan memperkembangkan peluang pendidikan kepada semua rakyat, tetapi ianya mengabaikan Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Menengah Persendirian Cina tanpa memberi layanan yang adil dan saksama kepada sekolah-sekolah itu. PPPM juga mengabaikan janji-janji kerajaan kepada Sekolah *Conforming* (Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan) dan Sekolah Mualigh. Selain itu, PPPM langsung tidak menyentuh perihal kedudukan, pembangunan dan penubuhan Sekolah Menengah Persendirian Cina. PPPM turut mengabaikan sumbangan Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina kepada negara selama ini dan sengaja menyingkirkan sekolah-sekolah ini daripada arus perdana pendidikan negara.

Jelasnya, pelaksanaan PPPM tersebut menyalahi prinsip keadilan pendidikan. Ia juga menjaskankan pembangunan pendidikan bahasa ibunda dan menghalang perpaduan rakyat dan keharmonian masyarakat berbilang bangsa di negara kita. Sebab itulah kita mesti membantah PPPM dengan tegasnya!

Pada ketika ini, kita sedang menghadapi krisis survival pendidikan bahasa ibunda. Pendekatan yang telah diambil selama ini tidak begitu berkesan. Maka, Dong Zong berpendapat bahawa kita mesti menyatupadukan kekuatan pelbagai pihak dan mengambil langkah yang lebih praktik untuk menyuarakan hasrat tegas rakyat demi mempertahankan dan membangunkan pendidikan bahasa ibunda semua bangsa di negara kita.

Sehubungan itu, Dong Zong akan mengadakan Perhimpunan Petisyen Aman 1125 pada 25 November

2012, hari Ahad, jam 11.00 pagi, bertempat di Padang Timur (Dataran Petaling Jaya) di hadapan Amcorp Mall, Petaling Jaya, Selangor. Tujuan Perhimpunan Petisyen Aman kali ini adalah untuk menyatupadukan kekuatan semua lapisan masyarakat dan rakyat berbilang bangsa, parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan masyarakat supaya dapat bersama-sama membantah PPPM yang didapati akan menjaskankan pembangunan pendidikan bahasa ibunda dan perpaduan rakyat berbilang bangsa di negara kita.

Dong Zong menyeru kepada orang ramai bergerak dan menghadiri Perhimpunan Petisyen Aman 1125 untuk memberi sokongan padu.

Dengan hormatnya kami menjemput semua pertubuhan mengisi Borang Kehadiran Pertubuhan Ke Perhimpunan Petisyen Damai 1125 dengan lengkap dan kembalikan kepada Dong Zong melalui pos atau faks sebelum 20 November 2012.